

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SAU308 - Agama dan Hubungan Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A: Soalan Bahagian A WAJIB dijawab.

Soalan 1

Hurai dan beri satu contoh kepada perkara-perkara di bawah:

1. Pampasan khusus dan umum. (20 Markah)
2. Agama bersifat ritual, terhad dan terbatas. (20 Markah)
3. Kemutlakan bukan pada diri manusia. (20 Markah)
4. Agama satu konstruksi sosial. (20 Markah)
5. Kepentingan analitikal dalam penganalisan dimensi agama dan ketuhanan. (20 Markah)

...2/-

Bahagian B: Pilih dan jawab DUA (2) soalan sahaja.

Soalan 2

Weber

'Status sosial seseorang individu menentukan tafsiran dia tentang agama'. Bentangkan kerangka konsep dan teori Weber untuk memperjelaskan kenyataan ini.

(50 Markah)

Apakah dimensi-dimensi yang membentuk idea?

(20 Markah)

Bagaimanakah pemikiran Calvinisme dapat melahirkan etika Protestan?

(30 Markah)

Soalan 3

Stark dan Bainbridge

Apakah andaian utama teori pilihan rasional agama mereka?

(30 Markah)

Gunakan kerangka konsep dan teori pilihan rasional untuk memahami kedudukan kepimpinan agama dan pengaruhnya ke atas penganut-penganut mereka.

(40 Markah)

Apakah kritikan utama kepada teori pilihan rasional dalam agama yang diketengahkan oleh Stark dan Bainbridge?

(30 Markah)

Soalan 4

Durkheim

Apakah sumbangan utama Smith kepada Durkheim?

(20 Markah)

Apakah peranan utama agama bagi Durkheim?

(20 Markah)

Sejauhmanakah kerangka konsep dan teori Durkheim tentang 'agama itu masyarakat' boleh diguna-pakai untuk menjelaskan tingkahlaku agama sebahagian rakyat Malaysia dipengaruhi oleh perkiraan kepentingan kumpulan dan persaingan etnik dan bukan isu ketuhanan dan agama?

(60 Markah)

...3/-

Soalan 5

Kurtz

‘Konflik agama bersifat emotif dan ganas.’ Huraikan persoalan ini dengan memberi contoh berdasarkan satu konflik agama yang berlaku di Malaysia.

(40 Markah)

‘Dunia sudah menjadi kampung.’ Apakah cabaran-cabaran utama yang dikenalpasti oleh Kurtz pada alaf akan datang kepada manusia, agama dan masyarakat nanti?

(30 Markah)

Apakah sumbangan sosiologi agama untuk mengatasi cabaran-cabaran itu?

(30 Markah)

Soalan 6

Magik

Apakah perbezaan di antara magik dengan agama?

(30 Markah)

‘Magik akan diganti oleh perubatan saintifik.’ Apakah hujah-hujah yang diguna-pakai oleh penteoris sosiologi agama untuk mempertahankan kenyataan ini?

(30 Markah)

Kenapakah teori-teori sosiologi Barat gagal memahami yang magik pasti akan kekal dan terus berkembang dalam kehidupan masyarakat manusia?

(40 Markah)